

DIMENSI KONSEP DAN PRAKTIS BARAKAH SEBAGAI FAKTOR TERSEMBUNYI UNTUK KELESTARIAN SOSIOEKONOMI UMAT ISLAM

Atikullah Abdullah

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains
Malaysia. 11800, Pulau Pinang, Malaysia

Emel: atik@usm.my

Khulasah

Matlamat mencapai keadilan, keseimbangan dan kelestarian sosioekonomi masyarakat merupakan matlamat unggul umat manusia semenjak zaman berzaman. Kerana itu pelbagai falsafah, teori dan pendekatan yang bertunjangkan kepada pelbagai ideologi dan kefahaman telah dikemukakan. Malah falsafah dan pendekatan baru akan sentiasa muncul lagi seterusnya bagi mencari jalan penyelesaian yang sesuai. Namun realitinya, matlamat tersebut bukan sahaja tidak tercapai malah kelihatannya semakin jauh dan ilusif. Makalah ini menghujahkan bahawa faktor *barakah* merupakan faktor tersembunyi yang telah lama diabaikan dalam pencarian kelestarian sosioekonomi masyarakat, khususnya umat Islam. Untuk itu makalah ini akan banyak merujuk kepada suasana latar sosioekonomi sedia ada dan seterusnya menggunakan isyarat dan petunjuk dari al-Quran dan Hadis serta huraian para ulama yang sesuai dengan tajuk perbincangan.

Kata kunci: kelestarian, sosioekonomi, masyarakat, *barakah*, al-Quran, hadis.

Abstract

Achieving socio economic justice, equilibrium and sustainability has been the paramount objective of mankind since time immemorial. Towards that end, various philosophies, theories and approaches that based on different ideologies and ismes have been

thought and presented. We can rest assured that there will be some more philosophies and approaches come into existence in the future. Yet the reality is that paramount objective seems to be even more illusive than ever. This paper argues that *barakah* is a hidden factor that has been unduly ignored in our quest for that objective. In doing that, this paper will refer to the present socio economic scenario and also benefitting from the signals and guidances from the Qur'ān and the ḥadīth together with the deliberation of the Islamic scholars relevant to the topic under discussion.

Keywords: sustainability, socio economic, mankind, barakah, al-Qur'ān, ḥadīth.

Pendahuluan

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan sama ada pada peringkat mikro dan nasional mahupun pada peringkat makro dan antarabangsa untuk mengatasi pelbagai masalah sosioekonomi seperti perbezaan jurang pendapatan yang semakin melebar, tekanan hidup yang semakin menghimpit, kemiskinan melampau, kebuluran, jenayah dan sebagainya namun semakin hari masalah tersebut semakin menular bukan semakin mengecil. Ini sudah tentu menimbulkan pelbagai persoalan dan tanda tanya setelah mengambil kira masa, tenaga, kepakaran dan wang yang telah dibelanjakan ke arah penyelesaian masalah-masalah berkenaan. Sudah tentu ada sesuatu yang tidak diberi perhatian sebelum ini tetapi sangat penting sebagai jalan penyelesaian.

Makalah ini cuba mengetengahkan faktor *barakah* yang difahami dalam Islam serta kepentingannya dalam penyelesaian masalah yang dihadapi. Kemudiannya makalah ini diakhiri dengan perbincangan tentang kaedah memperolehi *barakah* yang dijanjikan oleh Allah dan rasul-Nya berdasarkan petunjuk nas al-Quran dan hadis serta huraian para ulama silam dan semasa.

Senario Umum Kedudukan Sosioekonomi dan Kewangan Semasa

Sehingga kini fakta menunjukkan bahawa antara 'kejayaan' terpenting kapitalisme ialah membesarkan jurang pemisah antara golongan kaya dan miskin. Jurang dispariti pendapatan antara golongan kaya dan miskin dalam sesebuah negara dan antara negara-negara di dunia semakin membesar dan bergerak dalam kelajuan yang semakin bertambah. Ini dapat dilihat secara mudah dengan mata kasar apabila terdapat golongan terlalu kaya dan jutawan (*super rich*) hidup dalam suasana yang penuh kemewahan dan pembaziran dalam keadaan terdapat sebahagian besar ahli masyarakat dunia hidup dalam kemelaratan malah tidak dapat memenuhi keperluan hidup yang paling asasi.¹

Data menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada penduduk dunia tidak berkemampuan untuk mendapatkan keperluan asasi makanan kerana memiliki pendapatan sekecil USD2.00 sehari dan 80% penduduk dunia memperolehi pendapatan di bawah USD10.00 sehari. Dalam tahun 2006, World Institute for Development Economics Research, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mendedahkan hasil satu kajian yang dijalankan yang menunjukkan bahawa 1% daripada golongan yang terkaya di dunia memiliki 40% kekayaan

¹ Umer Chapra mengungkapkan hal ini seperti berikut: "Poverty and inequalities have become more marked, while even the basic needs of a considerable proportion of the population remain unsatisfied the rich and upper middle classes live in great affluence." M. Umer Chapra, *Islam and the Economic Challenge* (Islamic Foundation, Leicester, 1992), 2. Al-Roubaie juga menghujahkan: "Despite the fact that considerable effort have been made during the past few decades to improve the socio-economic conditions in the developing countries, very little progress has been accomplished so far. Since the end of the second world war the income gap between rich and poor nations has increased to unprecedented levels." Amer al-Roubaie, *Globalization and the Muslim World* (t.p: Malita Jaya, 2002), 33.

di dunia dan 10% golongan kaya dunia memiliki 85% kekayaan dunia. Ini bukan sahaja mewujudkan masalah ekonomi, tetapi melarat menjadi isu-isu ketidaknteraman sosial, ketidakstabilan politik dan sebagainya.

Dalam konteks di Malaysia, menurut *UNDP Human Development Report 1997* dan *United Nations Human Development (UNHDP) Report 2004*, Malaysia merupakan negara yang mempunyai indeks *gini coefficient* atau jurang pemisah antara pendapatan golongan kaya dan miskin paling tinggi di Asia Tenggara. 10% penduduk Malaysia yang kaya membolot 38% pendapatan ekonomi berbanding 10% golongan termiskin hanya memperoleh 1.7%.

Walaupun statistik terbaru yang diistiharkan oleh kerajaan Malaysia menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah di negara ini telah melepasi RM5,900 sebulan² namun realiti kehidupan sebenar kebanyakan ahli masyarakat tidak menggambarkan kebenaran suasana yang diisytiharkan. Pihak kerajaan sendiri telah memaklumkan bahawa program Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M) yang dimulakan semenjak tahun 2012 telah dimanfaatkan oleh sebanyak 80% isi rumah di Malaysia. Berdasarkan syarat untuk menerima BR1M, iaitu pendapatan bulanan isi rumah mesti kurang daripada RM3,000 sebulan, maka pengumuman kerajaan bahawa pendapatan isi rumah rakyat Malaysia sudah melebihi RM5,900 sebulan nyata sekali sangat mengelirukan. Malah mengikut laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2012 (PPRI/KA 2012), 40% terbawah (*bottom 40%*) isi rumah di Malaysia hanya berpendapatan kira-kira RM1,800 sebulan.³

² Bernama, "Survey Indicates Household Income Surpasses RM5,900 A Month," laman sesawang *Bernama.com*, dicapai 10 Mac 2015, <http://www.bernama.com/bernama/v7/newsindex.php?id=1066627>.

³ Department of Statistics Malaysia Official Portal, laman sesawang *Department of Statistics Malaysia*, dicapai 10 Mac 2015, www.statistic.gov.my.

Tambahan pula, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia dalam laporannya tentang *Findings of the Household Income Survey* (HIS) 2012, Indeks *Gini Coefficient* Malaysia, yang mengukur ketidaksamarataan (0 bermaksud sama rata sempurna, 1 bermaksud tidak sama rata sempurna), adalah 0.431 pada tahun 2012.⁴ Menurut Menteri Kewangan Kedua, Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, ini merupakan antara yang tertinggi di rantau ini, berbanding negara-negara seperti Thailand (0.4), Indonesia (0.37) dan India (0.33).⁵

Kedudukan jurang pemisah pendapatan antara golongan kaya dan miskin ini akan mengakibatkan satu masalah lain yang akan menekan golongan bawahan seterusnya. Penggunaan terhadap barangan pengguna yang tinggi dan secara membazir dalam kalangan berpendapatan tinggi ini akan menolak jumlah permintaan yang tinggi dan akan menyebabkan kenaikan harga yang tinggi juga. Kenaikan harga barangan pengguna yang tinggi yang mewujudkan suasana inflasi tidak merupakan satu masalah yang terlalu besar kepada golongan berpendapatan tinggi namun ia sesuatu yang terus membebankan golongan berpendapatan rendah, kerana kuasa beli mereka semakin lemah dan kos sara hidup yang semakin memuncak.

Dalam persekitaran cara hidup moden yang didominasi oleh budaya kepenggunaan atau *consumerism* yang tinggi, kenaikan inflasi akan cuba diimbangi secara jalan mudah dan berjangka pendek iaitu melalui mekanisme hutang. Kerana itu tidak mengejutkan apabila data mencatatkan bahawa pada tahun 2010, hutang isi

⁴ *Ibid.*

⁵ The Star, "Malaysia's income distribution inequality 'still high'," laman sesawang *The Star Online*, dicapai 10 Mac 2015, <http://www.thestar.com.my/business/business-news/2013/08/03/malaysias-income-distribution-inequality-still-high/?style=biz>.

rumah masyarakat Malaysia adalah yang tertinggi di Asia dan terus meningkat sebanyak 5% pada tahun 2011.⁶

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa nisbah hutang rakyat Malaysia dengan pendapatan boleh guna pada tahun 2009 adalah sebanyak 140%, antara yang tertinggi di dunia mengatasi Amerika Syarikat sebanyak 123%, Singapura sebanyak 105%, Korea Selatan sebanyak 101%, Thailand sebanyak 52.7% dan Indonesia sebanyak 38%.⁷ Ini bermakna secara umumnya pinjaman atau hutang yang dibuat oleh rakyat Malaysia jauh lebih tinggi daripada pendapatan mereka.

Kerana itu adalah tidak menghairankan apabila mutakhir ini terdapat banyak kes kebangkrupan atau insolvensi yang berlaku di negara ini. Mengikut Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, dari tahun 2005 hingga 2010 sebanyak 80,348 kes muflis iaitu secara purata sebanyak 41 orang muflis setiap hari di Malaysia. Kes-kes muflis ini terus meningkat dan sehingga April 2012 sebanyak 241,740 individu telah diisytiharkan muflis. Dari semua kes muflis ini, masyarakat Melayu menduduki tangga tertinggi iaitu 46.8%, India 34.25% dan Cina 11.1%. Perbelanjaan untuk menunjuk-nunjuk mengikut hawa nafsu dikaitkan sebagai punca utama masalah kemuflihan di kalangan masyarakat Melayu.

Kes-kes keberhutangan yang serius dan kebangkrupan ini juga sangat membimbangkan di kalangan kakitangan awam. Berdasarkan Pengurusan Tatertib Perkhidmatan Awam suku pertama tahun 2009 iaitu dari Januari hingga Mac, seramai 1086 penjawat awam telah diisytiharkan

⁶ *Ibid.*

⁷ Foo Yen Nee, "Economic Report 2014/2015: Average Monthly Household Spending Growing Faster than Income," laman sesawang *The Edge Market*, dicapai 22 Nov 2010, <http://www.theedgemarkets.com/my/article/economic-report-20142015-average-monthly-household-spending-growing-faster-income>.

bankrap oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.⁸ Masalah ini sangat merbahaya kerana ia mencemarkan imej perkhidmatan awam dan lebih-lebih lagi prestasi kerja perkhidmatan awam yang merupakan tulang belakang kepada negara akan terjejas.

Menurut teori motivasi jenayah (*crime motivation theory*), tekanan ekonomi dan kewangan akan menyebabkan peningkatan dalam perlakuan jenayah di kalangan ahli masyarakat. Kenaikan kadar inflasi memberikan banyak kesan terhadap masyarakat di antaranya kos hidup penduduk di sesebuah negara akan meningkat disebabkan oleh kenaikan harga barang. Kadar jenayah dijangka meningkat berikutan kos sara hidup dan perbelanjaan yang tinggi memaksa individu cenderung melakukan jenayah seperti ragut, mencuri, menculik serta pelbagai lagi bagi memenuhi kehendak dan keperluan diri.⁹

Teori di atas didapati konsisten dengan dapatan dari satu kajian yang dijalankan oleh United Nations Office on Drug and Crime (UNODC) semasa krisis kewangan 2008-2009. Menggunakan data yang direkodkan oleh pasukan polis di lima belas buah negara, kajian ini mendapati kejadian pecah rumah dan rompakan berlaku secara berlipat ganda dan kes pembunuhan serta kecurian kenderaan juga meningkat semasa tempoh krisis kewangan tersebut. Selain itu, kelahiran kumpulan

⁸ Mohd Kamal Azman Jusoh, "Konsep Hutang dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM," (tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2013).

⁹ K. Hansen, "Education and The Crime-Age Profile," *British Journal Criminology* 43 (2003), 141-168; Thomas M. Arvanites dan Robert H. Defina, "Business Cycles and Street Crime," *Criminology*, bil. 44, no. 1 (2006), 139-164; Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad dan Mohammad Fadzli Hashim, "Kesan Kitaran Ekonomi Terhadap Peningkatan Kadar Indeks Jenayah di Malaysia" (makalah, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), 2011 PERKEM VI, Jil. 1, Melaka, 5-7 Jun 2011), 496-497.

gangster dari kalangan golongan muda, kemudahan memiliki senjata api, penggunaan dadah dan arak dan ketidakberkesanan dalam penguatkuasaan undang-undang turut dilaporkan memainkan peranan penting dalam membantu kenaikan kadar jenayah di negara-negara yang dikaji.¹⁰

Selain daripada isu ketidakadilan dalam pengagihan kekayaan dan sumber, sistem ekonomi dan falsafah pembangunan semasa juga dikatkan dengan satu lagi isu besar yang menentukan kelangsungan kehidupan manusia yang harmoni dan berkualiti iaitu isu alam sekitar. Dominasi sistem ekonomi dan pembangunan konvensional yang berleluasa kini semakin menampakkan kesan buruk terhadap kualiti alam sekitar yang kita diami sekarang. Pelbagai isu alam sekitar seperti ketidaktentuan cuaca, pelepasan gas CFC, kesan rumah hijau, pembakaran hutan, asap, hakisan tanah, hakisan ozon, kepupusan sumber asli dan sebagainya dikatakan sebagai akibat langsung dari perlaksanaan falsafah ekonomi dan pembangunan serta budaya kepenggunaan semasa. Dalam hal ini M. Umer Chapra menulis:¹¹

"... the world is evidently facing gradual depletion and in some cases blatant abuse and an outright destruction of scarce ecological and other resources. Over the years, practically all countries around the world have been experiencing the scale of depletion of non-renewable natural resources and environmental pollution which is endangering life on earth."

¹⁰ United Nation Office on Drugs and Crime, "Economic Crises can Trigger Rise in Crime", laman sesawang United Nation Office on Drugs and Crime, dicapai 28 Ogos 2013, <http://www.unodc.org/unodc/en/frontpage/2012/February/economic-crises-can-trigger-rise-in-crime.html>.

¹¹ Chapra, *Islam and the Economic Challenge*, 2.

Kelestarian Sosioekonomi

Untuk memahami frasa kelestarian sosioekonomi perlulah terlebih dahulu memahami beberapa istilah yang membentuk frasa tersebut khususnya kelestarian sosial dan kelestarian ekonomi. Kelestarian sosial menurut *Western Australia Council of Social Services* (WACOSS) ialah satu keadaan di mana:¹²

"The formal and informal processes; systems; structures; and relationships actively support the capacity of current and future generations to create healthy and liveable communities. Socially sustainable communities are equitable, diverse, connected and democratic and provide a good quality of life."

Menurut *Business Dictionary.com*, kelestarian ekonomi pula ialah:¹³

"The use of various strategies for employing resources optimally so that a responsible and beneficial balance can be achieved over the longer term."

Berdasarkan definisi dua perkataan ini maka istilah kelestarian sosioekonomi bolehlah difahami sebagai satu suasana di mana wujudnya keadaan yang membolehkan masyarakat hidup dalam suasana sosial yang sihat, kondusif, beradab, dan harmoni dan dari segi ekonomi pula adil, kukuh, konstruktif, mencukupi dan berkembang.

Walaupun frasa ini secara relatifnya agak baru, namun kefahaman terhadapnya dan keinginan manusia untuk mencapai tahap kelestarian sosioekonomi tersebut

¹² Wikipedia, "Social sustainability," laman sesawang *Wikipedia.com*, dicapai 10 Mac 2015, https://en.wikipedia.org/wiki/Social_sustainability.

¹³ *Businessdictionary*, "Economic sustainability," laman sesawang *Businessdictionary.com*, dicapai 10 Mac 2015, <http://www.businessdictionary.com/definition/economic-sustainability.html>.

telah lama wujud. Bagi mencapai matlamat tersebut dan dengan berlatarbelakangkan contoh-contoh kepincangan moden yang sebenarnya telah lama diwarisi dan disedari oleh para pemikir, maka pelbagai teori dan falsafah telah dikemukakan oleh para pemikir sejak zaman silam.

Secara ringkasnya, sejak dari dahulu pemikiran manusia terbahagi kepada dua ekstremisme utama iaitu pendekatan berasaskan pemikiran kapitalisme dan pendekatan berasaskan pemikiran sosialisme. Pendekatan kapitalisme yang mengagungkan prinsip pemilikan individu secara bebas mempercayai bahawa dinamisme dalam sesebuah ekonomi berasaskan pasaran bebas (*free enterprise*) tanpa kongkongan peraturan dan sekatan lama-kelamaan dengan sendirinya akan mewujudkan keseimbangan dalam pendapatan dan pengagihan kekayaan melalui hukum permintaan dan penawarannya.¹⁴

Sebaliknya, pendekatan sosialisme menganjurkan supaya pihak yang berwajib perlu campur tangan dalam menentukan pemilikan dan pengeluaran supaya dengan itu satu suasana kesamarataan dalam pengagihan sumber dan kekayaan serta keadilan sosioekonomi akan dapat diwujudkan.¹⁵ Bagi menangani isu kemusnahan alam sekitar pula, semenjak dekad 70an muncul pula gelombang ke arah melahirkan satu sistem pembangunan ekonomi yang lestari atau *sustainable development*.¹⁶ Dengan itu seawal tahun 70an perkataan *sustainability* atau kelestarian telah digunakan untuk menggambarkan satu suasana keseimbangan ekonomi yang mesra alam

¹⁴ Al-Qarāḍāwī, *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlaq fī al-Iqtisād al-Islāmi* (Mu'assasah al-Risālah: Beirut, 2002), 86-87; Chapra, *Islam and the Economic Challenge*, 18-20.

¹⁵ Al-Qarāḍāwī, *Dawr al-Qiyām*, 87-88; Chapra, *Islam and the Economic Challenge*, 77-83.

¹⁶ Khairulmaini, "Peranan Malaysia Dalam Konteks Pembangunan Mampan," dalam *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*, ed. Abu Bakar Abdul Majeed et.al. (Kuala Lumpur: IKIM, 2000), 153.

sekitar untuk dibangunkan pula oleh generasi akan datang.¹⁷

Persidangan Kemuncak Dunia atau *The Earth Summit* di Rio de Janeiro, 1992, telah mentakrifkan pembangunan lestari sebagai "*integrating and balancing economic, social and environmental concerns in meeting our needs*." Sidang ini juga telah memperakukan bahawa untuk mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi yang lestari maka masyarakat dunia memerlukan pemikiran dan falsafah baru dalam menilai dan memutuskan apa yang manusia sejagat perlukan, kaedah memenuhi keperluan dan kepenggunaan dan sebagainya. Sepuluh tahun kemudiannya pada tahun 2002 masyarakat dunia seharusnya menumpukan usaha ke arah mengatasi ancaman ke atas pembangunan lestari seperti kebuluran, penyalahgunaan dadah, jenayah terancang, rasuah, penyakit berjangkit dan sebagainya.

Bagaimanapun sehingga kini data-data yang diperolehi jelas menunjukkan permasalahan yang ingin dihadapi melalui teori, falsafah dan jalur pemikiran konvensional tersebut bukan sahaja tidak dapat dihapuskan malah ia semakin bertambah. Nyata sekali bahawa jurang pendapatan semakin menjarak dan alam sekitar semakin tercemar. Kedua-dua bentuk ekstremisme dalam pendekatan menangani permasalahan ekonomi ini merupakan satu kegagalan manusia yang akan terus terpahat dalam sejarah. Sosialisme hanya tinggal sejarah dengan runtuhnya empayar Soviet Union dan beralihnya negara China kepada sistem pasaran bebas kapitalis. Begitu juga kapitalisme semakin menzahirkan kepincangan dan kegagalannya apabila kita dapat menyaksikan di hadapan mata kita sendiri seperti yang

¹⁷ Brundtland Commission dalam laporannya pada tahun 1987 mentakrifkan pembangunan lestari sebagai: "*Development that 'meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs'*".

diakui oleh pengkaji di timur dan barat tentang kewujudan jurang pemisah yang semakin melebar antara golongan yang berada dan tidak berada.

Fenomena ini menyebabkan timbulnya pelbagai isu sosial dan politik sama ada pada peringkat mikro mahu pun makro. Kegagalan kedua-dua sistem ekonomi yang berasaskan kepada dua jalur pemikiran yang berbeza untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial umat manusia menjelaskan kepada kita, isu dan permasalahan yang dihadapi oleh manusia bukanlah isu pemilikan harta atau ketidakcukupan harta. Sumber kekayaan alam yang dianugerahkan kepada manusia untuk menguruskannya lebih daripada mencukupi. Terdapat satu faktor yang tersembunyi yang boleh dianggap sebagai kunci kepada penyelesaian isu berkenaan.

Lama sebelum kemunculan pemikiran kapitalisme dan sosiolisme, Islam telah mengajarkan umatnya tentang prinsip *tawāzun* dan *wasatiyyah*,¹⁸ iaitu keseimbangan dan kesederhanaan. Prinsip *al-tawāzun* jika dihayati dalam sistem ekonomi bermaksud dalam pada manusia bebas berusaha mencari kekayaan daripada anugerah Allah, mereka harus terikat dengan perimeter dan garis panduan muamalat Islam dari segi apa dan bagaimana cara mendapatkan kekayaan anugerah Allah dan ke mana dan bagaimana kekayaan yang dimiliki itu harus dibelanjakan.

Dengan erti kata lain, setiap individu manusia boleh memiliki harta sebanyak mungkin melalui jalan yang halal, bagaimana pun ia bukanlah pemilikan yang mutlak dan ia mesti dibelanjakan untuk dan mengikut cara yang ditetapkan oleh pemilik mutlak iaitu Allah SWT.¹⁹ Dengan penghayatan prinsip *tawāzun* dan kepatuhan kepada perintah Allah dalam ekonomi dan muamalat, maka satu

¹⁸ Al-Qarāḍāwī, *Dawr al-Qiyām*, 86-130.

¹⁹ Al-Qarāḍāwī, *Dawr al-Qiyām*, 45-52; Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1989), 112-117.

unsur penting yang lain dijanjikan oleh Allah iaitu unsur *al-barakah*. Inilah unsur yang menjadi keistimewaan sistem Islam yang tiada dalam sebarang bentuk sistem ciptaan manusia yang lain dan unsur inilah yang hilang pada hari ini.

Nyata sekali dari bukti perangkaan yang dibincangkan di atas, isu sosioekonomi yang dihadapi hari ini bukan kerana ketidakcukupan sumber kekayaan, tetapi berpunca daripada pemilikan dan penggunaan kekayaan yang salah yang seterusnya menyebabkan hilangnya unsur *barakah* yang dijanjikan oleh Allah SWT. Unsur *barakah* inilah, jika berjaya diperolehi akan menjadi kekuatan dalaman Islam yang mampu menangani permasalahan dalam kehidupan ekonomi dan muamalat umat Islam.

Takrif *Barakah* dan Manifestasinya dalam Kehidupan Sosioekonomi

Al-Rāghib al- Isfahānī dalam kitabnya *al-Mufradāt fī Ghārib al-Qur'ān* mentakrifkan *al-barakah* sebagai '*thubūt al-khayr al-Ilāhī fī al-shay'i*'²⁰ iaitu kekalnya kebaikan dan rahmat yang dikurniakan oleh Allah ke atas seseorang atau sesuatu perkara atau sesuatu tempat. Dalam konteks ini *barakah* memberi maksud '*al-thabāt wa al-luzūm*'.

Selain itu Imam al-Qurṭubī, seorang ulama tafsir dalam kitab tafsirnya *al-Jāmi` li Aḥkām al-Qur'ān* mentakrifkan *barakah* sebagai '*kathrat al-khayr wa ziyādatuh*'²¹ iaitu banyak dan bertambahnya kebaikan. Dalam konteks ini, *al-barakah* memberi maksud '*al-nama' wa al-ziyādah*'.

²⁰ Al-Ḥusayn ibn Muḥammad al-Isfahānī, *al-Mufradāt fī Ghārib al-Qur'ān* (Damsyiq: Dār al-Qalam 1412H), 44.

²¹ Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr Al-Qurṭubī, *al-Jāmi` li Aḥkām al-Qur'ān*, jil.4 (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, t.t.), 139.

Menurut Ibn al-Qayyim, *al-barakah* itu hakikatnya ialah tetap, berkekalan dan kepastian.²² Dengan itu, jelas bahawa *al-barakah* itu ialah tetap dan kekalnya kebaikan dan keelokan pada sesuatu perkara serta ia sentiasa semakin banyak dan bertambah. Dari definisi di atas, berkat atau *al-barakah* itu boleh dilihat dalam dua maksud yang sangat hampir dan berkaitan iaitu:

- i. Kebaikan yang berkekalan.
- ii. Kebaikan yang bertambah.

Dalam konteks ekonomi dan kewangan, maksud 'kebaikan yang berkekalan' boleh difahami sebagai ekonomi dan kewangan yang dijana dan diperolehi itu menjadi satu rezeki yang memberi kesan yang baik, berterusan dan mencukupi untuk memenuhi keperluan kehidupan yang sejahtera dan ia sentiasa membawa kepada kebaikan dan mendorong ke arah penambahan ketaatan dan kepatuhan kepada Allah. Manakala maksud 'kebaikan yang banyak dan bertambah' pula boleh difahami sebagai ekonomi dan hasil pendapatan yang diperolehi itu memberi manfaat dan ia sentiasa menjadi asas kepada pertambahan rezeki, kebahagiaan dan seterusnya ketaatan.

Dalam kedua-dua hal ini, beza rezeki yang berkat dari yang tiada keberkatan ialah, rezeki yang tiada keberkatan tidak memberikan manfaat malah sebaliknya ia memberikan *mafsadah* dan membawa pemiliknya kepada kerosakan dan ketidakcukupan. Kesan dan manifestasi zahir unsur *barakah* dalam kehidupan ekonomi manusia khususnya umat Islam boleh berlaku dalam beberapa keadaan seperti yang dijanjikan dan telah ditunjukkan dalam beberapa ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Antaranya seperti berikut:

²² Muḥammad ibn Abī Bakr ibn al-Ayyūb Ibn al-Qayyim, *Badā'i' al-Fawā'id*, jil.2 (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2010), 183-183.

i. Menambahkan hasil dari sesuatu yang diusahakan

Satu dari makna *barakah* yang dinyatakan oleh para ulama ialah elemen penambahan dan pertumbuhan kebaikan melebihi daripada jumlah, kuantiti atau kualiti yang asal. Dalam konteks ekonomi dan muamalat ini boleh difahami bahawa dengan wujudnya elemen *barakah* dalam sektor ekonomi dan kewangan maka sumber dan kekayaan ekonomi dan kewangan akan semakin bertambah dan berkembang. Ini terbukti berlaku secara zahir di zaman baginda Rasulullah s.a.w lagi.

شكى جابر بن عبد الله رضي الله عنهما لرسول الله -
صلى الله عليه وسلم - من تحمله ديون والده الذي
استشهد يوم أحد، وإلحاح الغرماء في طلب حقوقهم،
جاء عليه الصلاة والسلام إلى بستانه، ودعا له بالبركة
في ثمره ، فقضى جابر دين أبيه، وبقي زيادة

Terjemahan: Jābir ibn `Abdullāh mengadu kepada Rasulullah s.a.w tentang kepayahan dan keperitannya memikul bebanan hutang yang dibuat oleh ayahnya yang telah syahid dalam peperangan Uhud. Lalu baginda Rasulullah s.a.w pergi ke kebun Jābir dan berdoa agar diberikan keberkatan pada hasil mahsulnya. Selepas itu Jabir mampu membayar hutang bapanya selain dia masih memiliki lebih daripada.²³

اللهم بارك لأمتي في بكورها

²³ Muḥammad ibn Ismā`il al-Bukhārī, *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ*, Kitāb al-Buyū` no.2127 dan Kitāb al-Istiqrād, no. 2395, 2396, 2405 dan 2601 (Mesir: Maṭba`ah al-Fujalah al-Jadīdah, 1376H).

Para ulama hadis meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w pernah berdoa yang bermaksud: "Ya Allah berkatilah umatku pada awal paginya". Setelah mendengar doa tersebut, seorang sahabat yang bernama Sakhar al-Ghamīdī yang juga ahli perniagaan sentiasa memulakan operasi perniagaannya pada awal pagi dan ia semakin berjaya dalam perniagaannya sehingga menjadi seorang hartawan.²⁴

ii. Mencukupkan keperluan dari kekayaan yang sedia ada

Tidak dapat dinafikan bahawa bagi kehidupan di dunia, tujuan pengumpulan harta kekayaan ialah untuk memenuhi keperluan dan hajat manusia sama ada pada peringkat *darūriyyāt*, *hājīyyāt* maupun *taḥsīniyyāt*. Secara logiknya jika keperluan ini dapat dipenuhi sebaiknya, maka tercapailah matlamat kekayaan ekonomi dan kewangan. Dengan andaian bahawa manusia yang sempurna iman dan akal nya ialah manusia yang sentiasa berusaha memenuhi keperluan spiritual dan fizikalnya secara sempurna bukan berusaha memenuhi nafsu tamak haloba yang tidak terbatas (*fulfilling needs not endless greed*) maka *barakah* juga boleh difahami sebagai harta dan kekayaan yang dimiliki itu mencukupi untuk memenuhi keperluan spiritual dan fizikal di dunia ini

²⁴ Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash'ath, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Jihād, no.2606, jil.3 (t.p.:t.tp., 1952), 57; Muḥammad ibn 'Īsā al-Tirmīdhī, *Ṣaḥīḥ al-Tirmīdhī*, Kitāb al-Buyū', no. 1212, jil. 3 (Kaherah: al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah bi al-Azhar, 1931), 336; Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Tijārāt, hadis no. 2236, jil. 3 (t.tp.: Dār al-Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1952), 572; Muḥammad ibn Ḥibbān ibn Aḥmad, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, hadis no. 4754, jil. 11 (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 1952), 62. Al-Tirmīdhī menganggap hadis ini bertaraf hasan manakala Ibn Ḥibbān memasukkannya dalam himpunan hadis sahih.

sekalipun ia tidak banyak. Hal ini juga diriwayatkan pernah berlaku dalam sejarah Islam.

عن عائشة رضي الله عنها أنها قالت توفي رسول الله
صلي الله عليه و سلم و ما في بيتي من شيء يأكله ذو
كبد الا شطر من شعير في رف لي فاكلت منه حتي
طال علي فكلته ففني.

Terjemahan: `A'isyah r.anha menceritakan bahawa semasa kewafatan Rasulullah s.a.w tiada sesuatu pun di rumah baginda untuk dimakan oleh orang yang hidup melainkan sedikit barli yang diletakkan di atas para, maka dia pun makan daripadanya sehingga beberapa lama (tidak habis), namun setelah ia menyukatnya maka barli itu pun habis.²⁵

فإن طعام الواحد يكفي الاثنين وطعام الاثنين يكفي
الثلاثة والأربعة كلوا جميعا ولا تفرقوا؛ فإن البركة في
الجماعة.

Terjemahan: Makanan untuk seorang itu cukup bagi dua orang, makanan untuk dua orang cukup bagi tiga orang dan empat orang, makanlah secara berjemaah, jangan berpecah sesungguhnya *barakah* itu dalam jamā`ah.²⁶

iii. Membuka peluang dan saluran baru untuk kekayaan atau rezeki.

Bagi golongan yang tidak mempunyai apa-apa kekayaan maka elemen *barakah* yang dianugerahkan oleh Allah

²⁵ Al-Bukhārī, *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ*, Kitāb al-Riqāq, no.6086.

²⁶ Aḥmad ibn `Amr ibn `Abd al-Khāliq al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakhkhar al-Ma`rūf bi al-Musnad*, no. hadis 127 (al-Madīnah al-Munawwarah: Dār al-`Ulūm wa al-Ḥikam, 1409H).

kepadanya termasuklah dalam bentuk penganugerahan peluang baru sama ada dalam bentuk harta kekayaan atau rezeki atau sebagainya. Hal ini jelas dan terjamin dari beberapa firman Allah SWT:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا (٢) وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ

Terjemahan: ... dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah maka (Allah) jadikan baginya kemudahan atau kelapangan dan memberi rezeki kepadanya (melalui jalan atau saluran) secara yang tidak disangka-sangka.

Al-Talaq 65:2-3

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْفُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Terjemahan: Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya kami akan bukakan ke atas mereka keberkatan daripada langit dan bumi.

Al-'A'raf 7:96

iv. Kehidupan yang sejahtera dan baik di dunia dan akhirat

Kewujudan anugerah barakah oleh Allah dalam pemilikan harta akan menjadikan harta berkenaan sebagai pemangkin kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat. Semakin banyak harta yang dimiliki semakin kuat syukurnya kepada Allah dan semakin bertambah ibadatnya. Rasulullah s.a.w bersabda yang berbunyi:²⁷

²⁷ Yahya ibn Sharf al-Nawāwī, *Sharḥ al-Nawāwī 'alā Muslim*, no. hadis 2999 (t.tp.: Dār al-Sha'b, t.t.).

عجبا لامر المؤمن ان امره كله له خير وليس ذلك لاحد
الا للمؤمن ان اصابته سراء شكر فكانت خيرا له وان
اصابته ضراء صبر فكانت خيرا له

Terjemahan: Aku ajaib dengan orang mukmin, sesungguhnya urusan mereka semuanya ada kebaikan dan ini tiada pada orang lain kecuali orang yang beriman, apabila diberikan nikmat dia bersyukur maka dia mendapatkan kebaikan, dan apabila ditimpa musibah dia bersabar maka dia mendapat kebaikan.

Sebaliknya harta yang tiada keberkatan padanya ialah dengan pemilikan harta tersebut ia terus alpa dan lalai kepada Allah.²⁸ Dalam keadaan ini harta tersebut hanya membawa bencana dan kemudaratan kepadanya. Firman Allah SWT:

وَلَوْ بَسَطَ اللَّهُ الرِّزْقَ لِعِبَادِهِ لَبَعَوْا فِي الْأَرْضِ

Terjemahan: Jika Allah membukakan (pintu) rezeki bagi hamba-Nya nescaya mereka melampaui batas di muka bumi...

Al-Shūrā 42:27

v. Sifat berpada atau *qanā`ah*

Barakah pada harta yang dimiliki juga membawa seseorang merasa berpada, berpuas hati atau *qanā`ah* terhadap apa yang dimilikinya. Hatinya merasa tenang, damai dan sentiasa bersyukur serta memanfaatkan apa yang dimilikinya sebaik mungkin untuk kebaikan di dunia dan akhirat. Sebaliknya kehilangan unsur *barakah* ini menyebabkan seseorang sentiasa merasa tidak cukup dan tamak haloba terhadap apa yang dimilikinya. Hatinya

²⁸ Al-Haythamī, *al-Zawājir `an Iqtiraf al-Kabā'ir*, jil.1 (Beirut: Dār al-Ma`rifat, 1982), 224.

sentiasa keluh kesah, gelisah tidak berpuas hati dan sentiasa mencemburui kehidupan orang lain.²⁹

Suasana kehidupana ekonomi yang dijana daripada sumber rezeki dan kewangan yang halal dan diharuskan oleh Allah akan membawa keharmonian dan kesejahteraan yang lestari dan menyeluruh di dunia dan akhirat. Sebaliknya kewangan dan pendapatan yang dijana secara haram akan mewujudkan suasana kehidupan sosioekonomi yang negatif dan boleh membawa kepada maksiat yang menjerumuskan manusia ke lembah kehancuran seperti mana hadis yang berbunyi:³⁰

لا يربو لحم نبت من سحت الا كانت النار اولى به

Terjemahan: Tidak tumbuh daging dari makanan yang haram melainkan neraka lebih utama baginya.

Berdasarkan senario sosioekonomi dan kewangan semasa seperti yang dibincangkan di atas, satu kajian dan penelitian yang mendalam perlu dilakukan untuk memahami adakah semua fenomena kebobrokan sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat hari ini merupakan kesan dan akibat daripada hilangnya unsur keberkatan ekonomi dan kaedah bermuamalat dalam kehidupan manusia khususnya umat Islam di zaman ini.

Ini kerana walaupun kekayaan semakin banyak dan bertambah sesuai dengan pertambahan kebijaksanaan manusia yang dianugerahkan oleh Allah bagi banyak negara umat Islam, namun unsur-unsur negatif, maksiat, ketidakadilan dan sebagainya juga semakin membiak dan bertambah. Ertinya pertambahan kekayaan, kewangan dan rezeki tidak membawa kepada kebaikan dan kehidupan yang lebih bahagia, sejahtera dan harmoni menurut ukuran syariat Islam. Dengan itu adalah perlu dan mustahak

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadis 614; Aḥmad, *al-Musnad*, no.14032.

khususnya bagi umat Islam untuk kembali mencari asas dan suasana kehidupan yang membolehkan mereka dianugerahkan keberkatan oleh Allah termasuk dalam hal yang berkaitan kehidupan sosioekonomi dan muamalat.

Bagaimana Memperolehi Keberkatan

Keberkatan merupakan anugerah Allah secara mutlak kepada sesiapa yang Dia kehendaki daripada hamba-Nya. Namun, telah menjadi sunnatullah di alam ini bahawa setiap pemberian dan anugerah Allah mempunyai sebab-sebab dan faktor-faktornya yang sesuai. Adalah penting untuk manusia mengenalpasti sebab-sebab dan faktor-faktor yang membolehkan mereka dianugerahkan *barakah* oleh Allah berdasarkan isyarat dan petunjuk dalam wahyu-Nya sendiri. Meneliti sumber wahyu dan huraian para ulama semenjak zaman silam, secara umumnya terdapat dua dimensi utama dalam mendapatkan unsur *barakah* dalam kehidupan iaitu dimensi kerohanian dan dimensi praktikal.

Dimensi kerohanian ialah unsur-unsur kerohanian, kebergantungan dan keyakinan kepada Allah yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dan khusus dengan kegiatan ekonomi dan kewangan, manakala dimensi praktikal ialah amalan-amalan perekonomian, keusahawanan dan kewangan yang baik dan terpuji seperti yang ditetapkan oleh syariat Islam.

i. Dimensi kerohanian

Dimensi kerohanian ialah unsur-unsur amalan kerohanian dan kebergantungan kepada Allah yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dan khusus dengan kegiatan ekonomi dan kewangan seperti iman,³¹ takwa,³² tawakkal,³³

³¹ Al-A`rāf 7:96.

³² Al-Ṭalaq 65:2.

³³ Al-Ṭalaq 65:2.

istighfar³⁴ dan membaca al-Quran³⁵. Contohnya, dalam kehidupan secara umumnya, Allah SWT telah berjanji bahawa keberkatan akan dianugerahkan kepada orang-orang yang beriman dan bertakwa kepada-Nya.

Firman-Nya yang bermaksud: "... dan sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya kami akan bukakan ke atas mereka keberkatan daripada langit dan bumi." (al-A`rāf 7:96). Firman-Nya lagi yang bermaksud: "... dan sesiapa yang bertakwa maka akan dibukakan baginya jalan keluar dan diberikan rezeki melalui cara yang tidak disangkakan dan sesiapa yang bertawakkal kepada Allah maka Ia (Allah) sudah memadai (baginya)..." (al-Tālaq: 2-3).

Kedua-dua ayat ini memperlihatkan kepentingan takwa kepada Allah dalam kehidupan. Hubungan takwa dengan *barakah* sangat jelas jika diteliti makna takwa itu sendiri iaitu menjunjung segala titah perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Ini bermakna seseorang yang bertakwa akan sentiasa menjalani kehidupannya serta sentiasa melakukan perkara secara betul mengikut neraca syariat Allah termasuklah dalam aktiviti keusahawanan dan perekonomiannya. Kehidupan dan aktiviti harian yang dilakukan secara betul dan tepat disertakan dengan strategi yang sesuai dan sihat akan menarik dan menyuburkan nilai-nilai positif dan akan mewujudkan suasana yang kondusif untuk kelestarian dan kemakmuran masyarakat dan menjadi faktor utama untuk bantuan dan *barakah* dari Allah.

Selain itu unsur utama lain yang disebutkan dalam nas ialah amalan muhasabah, istighfar dan bertaubat. Firman Allah yang bermaksud: "Wahai kaumku (Hud)

³⁴ Hadis bermaksud: "Sesiapa yang melazimi istighfar maka Allah jadikan baginya jalan keluar bagi setiap kesulitan dan memberi rezeki kepadanya secara tidak disangka'. Lihat umpamanya Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadis 1518; Aḥmad, *al-Musnad*, jil.1, no. hadis 248.

³⁵ Al-An`ām 6:92 dan 155; Al-Şād 38:29; al-Anbiya' 21:50.

beristighfarlah kepada Tuhanmu kemudian pula bertaubatlah kepada-Nya nescaya Ia (Allah) akan turunkan hujan kepada kamu dan menambahkan kekuatan bagi kekuatanmu dan janganlah kamu menjadi orang yang bersalah”³⁶. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “Sesiapa yang sentiasa beristighfar, nescaya Allah jadikan baginya jalan keluar bagi setiap kesempitan dan kesedihan dan Allah memberikan rezeki kepadanya secara yang tidak dia sangkakan.”³⁷

Hubungan istighfar dengan *barakah* dan kemurahan rezeki seperti yang dinyatakan dalam ayat dan hadis di atas dapat dikaitkan dengan rapat kerana seseorang yang sentiasa beristighfar ialah seseorang yang sering melakukan amalan muhasabah dan memeriksa diri bagi mengenalpasti kelemahan dan kesilapan dirinya dan dengan itu akan cuba mengatasi kelemahan, mengelakkan kesilapan dan menjauhkan dosa bagi memperbaiki dan mempertingkatkan potensi dan kedudukan nilai serta amalan kebaikan dirinya. Ini menjadikan dirinya seorang yang positif dan konstruktif serta sentiasa dalam keadaan bersedia menerima pertolongan dan *barakah* dari Allah SWT.

ii. Dimensi Praktikal

Dimensi praktikal merujuk kepada set amalan-amalan perekonomian, keusahawanan dan kewangan yang betul, sesuai, baik dan terpuji seperti yang ditetapkan oleh syariat Islam seperti jujur, murah hati, pengurusan waktu yang baik, kesederhanaan serta mengelakkan riba, *gharār*, penipuan, kemerbahayaan dan sebagainya. Dalam konteks pengharaman riba, Allah berfirman maksud-Nya: “... dan Allah menjahanamkan riba dan menyuburkan sedekah...”³⁸ Sabda Nabi s.a.w dari Ibn Mas`ūd r.a yang

³⁶ Hūd 11:50.

³⁷ Abu Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadis 1518; Aḥmad, al-Musnad, jil.1, no. 248.

³⁸ Al-Baqarah 2:276.

bermaksud: "Sesungguhnya riba walaupun lumayan (dari sudut kuantiti) tetapi hasilnya ia akan membawa kepada sedikit dan papa."³⁹

Kedua-dua nas ini jelas sekali menggambarkan bahawa amalan riba hanya akan membawa keburukan dan kemusnahan kepada manusia. Walaupun seluruh sistem kewangan moden konvensional menjadikan riba sebagai tulang belakang operasi dan survivalnya, namun Islam menganggap riba sebagai satu bentuk eksploitasi dan penindasan secara tersembunyi. Hakikatnya sistem ekonomi dan kewangan kapitalis yang mempelopori riba pada hari inilah yang bertanggungjawab mewujudkan suasana kehidupan sosioekonomi yang tidak lestari dengan golongan kaya terus bertambah kaya dan golongan miskin semakin berkembang dan terus bertambah miskin. Realiti ketidakadilan sosioekonomi hari ini seperti yang dibincangkan dalam bahagian dua di atas dengan sendirinya membuktikan kebenaran Islam dalam mengharamkan riba.

Larangan *gharār* walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit dalam nas al-Quran dan hadis namun ia termasuk dalam larangan unsur batil dalam kontrak perniagaan seperti yang difahami dari maksud ayat: "Wahai orang yang beriman janganlah kamu makan harta sesama kamu secara batil melainkan secara perniagaan yang saling redamedai sesama kamu".⁴⁰

Para *mufasssir* telah menegaskan antara maksud batil dalam ayat ini ialah unsur *gharār*.⁴¹ *Gharār* atau ketidakpastian dalam bermuamalat dilarang kerana boleh membawa kepada ketidakpuasan hati dan berakhir dengan pertengkaran dan pergaduhan pihak-pihak yang

³⁹ Aḥmad, *al-Musnad*, no. hadis 3754.

⁴⁰ Al-Nisā' 4:29.

⁴¹ Al-Qurtūbī, *al-Jāmi'*, jil. 5, 150; Muḥammad ibn `Abd Allāh ibn Muḥammad ibn al-`Arabī, *Aḥkām al-Qur'ān*, jil.1 (Mesir: Maṭba'ah al-Sa`ādah, 1331H), 97; al-Jassās, *Aḥkām al-Qur'ān*, jil. 2, 172.

bertransaksi. Larangan ini sangat mudah untuk difahami secara logik demi untuk menjaga keharmonian dan kedamaian yang mungkin terancam jika sesuatu pihak dalam sesuatu transaksi muamalat perniagaan mula mempertikaikan transaksi yang telah dimeterai.

Jika suasana ini wujud maka ketenteraman dan kelestarian kehidupan sosioekonomi masyarakat akan terancam dan tergugat dan sudah tentu *barakah* Allah tidak boleh diharapkan dalam situasi seperti ini. Begitu juga penipuan dan sebarang unsur yang tidak beretika dalam transaksi perniagaan adalah sesuatu yang tidak dibenarkan sama sekali. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Jual beli itu disertakan dengan hak *khiyār* selama kedua-dua pihak berpisah, jika kedua-dua pihak jujur dan telus, maka kedua-duanya diberkati dalam jual beli mereka, sebaliknya jika kedua-duanya menipu maka dihapuskan keberkatan dalam jual beli mereka."⁴² Baginda juga bersabda yang bermaksud: "Aku orang yang ketiga dalam dua orang yang bersyarikat selama seorang dari mereka tidak khianat, apabila salah seorang dari mereka khianat, maka aku keluar dari syarikat mereka."⁴³

Kedua-dua hadis ini menampakkan bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya untuk bertransaksi dan bermuamalat sesama mereka secara baik, sihat dan menguntungkan semua pihak kerana dengan ini mereka saling dapat memenuhi keperluan masing-masing dan dapat menjana aktiviti ekonomi yang lebih rancak dan pesat. Ini seterusnya dapat menjamin kemajuan ekonomi yang lestari dan adil. Namun dalam menjalankan aktiviti tersebut, mestilah dielakkan sebarang unsur negatif yang boleh merosakkan matlamat mencapai kelestarian dan keharmonian sosioekonomi seperti penipuan,

⁴² Al-Bukhārī, *al-Jāmi'*, Kitāb al-Buyū', no. hadis 2004.

⁴³ Abu Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadis 3383; Aḥmad ibn Husayn ibn `Alī al-Bayḥaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, jil. 6, Shu`b al-Īmān, no.78 (Riyadh: Maktabat al-Rushd, 2003).

pengkhianatan dan sebagainya. Unsur tidak beretika jelas sekali akan melemahkan daya usaha dan kreativiti yang baik dalam ekonomi dan membantutkan pencapaian ekonomi yang sihat.

Sebaliknya Islam mengajarkan bahawa kejujuran dan kemurahan hati merupakan asas kepada kejayaan kehidupan sosioekonomi. Selain kejujuran, kemurahan hati dalam muamalat perniagaan sangat dituntut oleh Islam. Walaupun secara sepintas lalu ia tiada kaitan dengan kejayaan dan keuntungan kewangan, namun Allah telah memberi jaminan bahawa ia merupakan punca kepada *barakah* dan pertolongan-Nya. Firman Allah yang bermaksud: "Dan sesiapa yang memberi, bertakwa dan bersedekah dengan kebaikan maka kami gembirakannya dengan kemudahan dan sesiapa bakhil dan tidak bergantung kepada Allah dan mendustakan dengan kebaikan maka kami gembirakannya dengan kesusahan".⁴⁴ Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Setiap pagi dua malaikat berdoa, Ya Allah berikanlah orang yang bersedekah hartanya itu gantiannya dan berilah orang kedekut hartanya itu kebinasaan hartanya."⁴⁵

Satu aspek yang sangat penting dalam kehidupan sosioekonomi ialah pengurusan waktu. Kepentingan pengurusan waktu sebagai faktor kejayaan dalam bidang ekonomi dan kewangan ini diakui oleh semua tradisi dan fahaman dalam ilmu pengurusan dan ekonomi. Dalam hal ini, Islam menegaskan kepentingan pengurusan waktu yang baik dan cekap melalui gesaan kepada umatnya untuk memulakan aktiviti ekonomi mereka pada awal hari. Rasulullah s.a.w berdoa yang bermaksud: "Ya Allah berkatilah umatku pada pagi mereka".⁴⁶ Seorang sahabat yang bernama Sakhr setelah mendengar hadis ini maka

⁴⁴ Al-Layl 92:8.

⁴⁵ Al-Bukhārī, *al-Jāmi'*, no.hadis 1442; Muslim, *al-Jāmi'*, no. hadis 2383.

⁴⁶ Lihat takhrij hadis ini pada nota kaki 25.

beliau memulakan perniagaannya pada awal pagi dan sejak itu perniagaannya maju dan beliau sangat berjaya dalam usahanya. Ibn al-Qayyim menyebutkan bahawa para salihin mengatakan makruh tidur antara waktu selepas sembahyang subuh dan naik matahari kerana itu adalah waktu anugerah dan berusaha pada waktu itu merupakan satu keistimewaan yang besar: "...sesungguhnya ia merupakan waktu turunnya rezeki, datangnya *barakah*."

Dari semua amalan dan sikap mulia yang dibincangkan di atas, satu ciri yang boleh dianggap anak kunci bagi keberkatan dan kelestarian dalam kehidupan sosioekonomi ialah sikap kesederhanaan dalam kehidupan. Islam sangat menekankan aspek kesederhanaan dalam kehidupan termasuklah dalam pengumpulan harta dan membelanjakan harta. Beberapa ayat al-Quran dan hadis dengan jelas sekali menekankan kepentingan sikap ini. Antaranya firman Allah yang bermaksud: "... dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu di tengkukmu (kerana kedekut) dan jangan pula kamu mendepangkannya seluas-luasnya (kerana terlalu bermurah hati) ..." ⁴⁷ dan firman-Nya yang menceritakan sifat hamba Allah yang baik antaranya bermaksud: "Dan orang-orang yang apabila berbelanja tidak berlebihan dan tidak pula kedekut tetapi pertengahan antara keduanya" ⁴⁸. Rasulullah s.a.w juga bersabda yang bermaksud: "Kesederhanaan dalam berbelanja itu sebahagian dari kehidupan". ⁴⁹

Hakikat pentingnya kesederhanaan dalam kehidupan sosioekonomi menurut Islam dapat dibuktikan dengan menamakan bidang ekonomi itu sendiri sebagai *al-iqtisād* yang bererti kesederhanaan. Dalam realiti kehidupan hari ini, sikap dan amalan iktisad dan kesederhanaan ini boleh

⁴⁷ Al-Isrā' 17:29.

⁴⁸ Al-Furqan 25:67.

⁴⁹ Al-Bayhāqī, *Shu'b al-Īmān*, no. hadis 2239.

dianggap hampir pupus sama sekali. Dalam konteks pengumpulan harta kekayaan, ketiadaan nilai kesederhanaan dan runtunan sifat tamak dan haloba membawa kepada perebutan dan pembolotan harta kekayaan sesama manusia yang menyebabkan peperangan dan jenayah. Dalam konteks perbelanjaan harta pula kepupusan nilai kesederhanaan dan penyuburan sikap tamak dan haloba membawa kepada pembaziran dan kemewahan yang keterlaluan di kalangan golongan kaya sedangkan golongan miskin dalam kebuluran dan kemelaratan hidup yang amat memeritkan. Dalam situasi ini tentulah tidak tercapainya suasana kelestarian sosioekonomi dan hilangnya *barakah* dalam kehidupan.

Walaupun perbincangan dalam kaedah memperoleh *barakah* ini lebih tertumpu kepada sikap dan amalan secara individual dan perseorangan, namun pola sikap dan amalan yang sama mestilah juga diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat yang lebih besar dan kehidupan bernegara. Ini bererti jika sesebuah masyarakat dan sesebuah negara dapat dipandu ke arah menghayati dan mempraktikkan norma dan amalan yang sesuai seperti yang cuba disampaikan di atas, maka masyarakat dan negara berkenaan secara keseluruhannya layak untuk mendapat unsur *barakah* dan pertolongan seperti yang dijanjikan oleh Allah.

Dengan itu setiap pemimpin dan ahli sesebuah masyarakat dan sesebuah negara mestilah berusaha kearah membentuk masyarakat dan negara yang ahlinya sentiasa bertakwa kepada Allah, menjalani amalan-amalan fardu dan sunat dengan betul, meninggalkan larangannya, melakukan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, politik dan kewangan dengan betul dan tepat mengikut acuan dan prinsip syariat serta keadilan sejagat maka masyarakat dan negara tersebut berada pada landasan yang betul kearah mendapatkan *barakah* dan pertolongan Allah bagi menjamin kehidupan yang makmur dan lestari.

Penutup

Setelah banyak masa, tenaga, kos dan dengan kepakaran yang semakin bertambah saban hari, permasalahan sosioekonomi umat manusia kelihatannya bukan sahaja tidak dapat diatasi malah semakin melebar. Dalam situasi ini, jelas sekali bahawa *barakah* merupakan faktor yang hilang dan terabai dalam pertimbangan dan usaha kita mencari penyelesaian terhadap masalah sosioekonomi hari ini. Dengan itu para pemimpin umat Islam dan setiap individu Islam perlu memikirkan, berusaha dan mengambil kira faktor *barakah* dalam sebarang usaha yang dilakukan.

Ini kerana tanpa pertolongan dan *barakah* yang dikurniakan oleh Allah, usaha kita mencari penyelesaian terhadap permasalahan hidup masyarakat bukan sahaja gagal malah masalah berkenaan akan terus berkembang. Usaha mendapatkan *barakah* bukanlah sesuatu yang terlalu sukar. Berdasarkan panduan nas, kita perlu memperkemas dan memperbetulkan akidah, amalan dan sikap kita terhadap Allah SWT dan juga sesama manusia. Sebahagian lagi ialah kita perlu mengamalkan etika dan budaya yang baik dan terpuji dalam aktiviti kehidupan seharian. Dengan itu kita dapat menyediakan suasana, tempat dan sebab yang sesuai untuk *barakah* sebagai anugerah Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Mannan, Muhammad. *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: A.S.Noordeen, 1989.
- Abu Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash`ath. *Sunan Abī Dāwūd*. t.tp.: t.p., 1952.
- Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad dan Mohammad Fadzli Hashim, "Kesan Kitaran Ekonomi Terhadap Peningkatan Kadar Indeks Jenayah di Malaysia." Makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), 2011 PERKEM VI, Jilid 1, Melaka, 5-7 Jun 2011.

- Amer al-Roubaie. *Globalization and the Muslim World*. Kuala Lumpur: Malita Jaya, 2002.
- Arvanites, Thomas M. dan Defina, Robert H. "Business Cycles and Street Crime," *Criminology*, vol. 44, no. 1. (2006): 139-164.
- Al-Bayhāqī, Aḥmad ibn Ḥusayn ibn `Alī. *Al-Sunan al-Kubrā*, jil. 6. Riyadh: Maktabat al-Rushd, 2003.
- Al-Bazzār, Aḥmad ibn `Amr ibn `Abd al-Khāliq. *Al-Baḥr al-Zakhkhar al-Ma`rūf bi al-Musnad*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Dār al-`Ulūm wa al-Ḥikam, 1409H.
- Bernama, "Survey Indicates Household Income Surpasses RM5,900 A Month," laman sesawang *Bernama.com*, dicapai 10 Mac 2015, <http://www.bernama.com/bernama/v7/newsindex.php?id=1066627>.
- Businessdictionary, "Economic Sustainability," laman sesawang *Businessdictionary.com*, dicapai 10 Mac 2015, <http://www.businessdictionary.com/definition/economic-sustainability.html>.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā`īl. *Al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ*. Mesir: Maṭba`ah al-Fujalah al-Jadīdah, 1376H.
- Chapra, M. Umer. *Islam and the Economic Challenge*. Leicester: Islamic Foundation, 1992.
- Department of Statistics Malaysia Official Portal, laman sesawang *Department of Statistics Malaysia*, dicapai 10 Mac 2015, www.statistic.gov.my.
- Hansen, K. "Education and The Crime-Age Profile," *British Journal Criminology*, vol 43 (2003): 141-168.
- Al-Haythamī, Aḥmad ibn Muḥammad ibn `Alī. *Al-Zawājir `an Iqtiraf al-Kabā'ir*. Beirut: Dār al-Ma`rifah, 1982.
- Ibn al-`Arabī, Muḥammad ibn `Abd Allāh ibn Muḥammad. *Aḥkām al-Qur`ān*. Mesir: Maṭba`ah al-Sa`ādah, 1331H.

- Ibn al-Qayyim, Muḥammad ibn Abī Bakr ibn al-Ayyūb. *Bada'i al-Fawā'id*. Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī, 2010.
- Ibn Hibbān, Muḥammad ibn Aḥmad. *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*. Kaherah: Dār al-Maʿārif, 1952.
- Ibn Mājah, Muḥammad ibn Yazīd. *Sunan Ibn Mājah*. t.tp.: Dār al-Iḥyā' al-Kutub al-ʿArabiyyah, 1952.
- Al-Isfahānī, Al-Ḥusayn ibn Muḥammad. *Al-Mufradāt fī Ghārib al-Qurʿān*. Damsyiq: Dār al-Qalam, 1412H.
- Al-Jassās, Aḥmad ibn ʿAlī al-Rāzī. *Aḥkām al-Qurʿān*. Mesir: al-Maṭbaʿah al-Bahiyyah, 1347H.
- Khairulmaini, "Peranan Malaysia dalam Konteks Pembangunan Mampan." Dalam *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*, ed. Abu Bakar Abdul Majeed et.al. Kuala Lumpur: IKIM, 2000.
- Mohd Kamal Azman Jusoh. "Konsep Hutang dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM." Tesis kedoktoran, USM, Pulau Pinang, 2013.
- Al-Nawāwī, Yaḥya ibn Sharf. *Sharḥ al-Nawāwī ʿalā Muslim*. t.tp.: Dār al-Shaʿb, t.t..
- Al-Qarāḍāwī, Yūsūf. *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmi*. Beirut: Muʿassasah al-Risālah, 2002.
- Al-Qurṭūbī, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr. *Al-Jāmiʿ li Aḥkām al-Qurʿān*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, t.t.
- Al-Tirmīdhī, Muḥammad ibn ʿĪsā. *Ṣaḥīḥ al-Tirmīdhī*. Kaherah: al-Maṭbaʿah al-Miṣriyyah bi al-Azhar, 1931.
- The Star, "Malaysia's Income Distribution Inequality Still High," laman sesawang *The Star Online*, dicapai 10 Mac 2015, <http://www.thestar.com.my/business/business-news/2013/08/03/malaysias-income-distribution-inequality-still-high/?style=biz>.
- United Nation Office on Drugs and Crime, "Economic Crises can Trigger Rise in Crime", laman sesawang

Atikullah Abdullah, "Dimensi, Konsep dan Praktis *Barakah*," *Afkār* Edisi Khas (2014): 131-162

United Nation Office on Drugs and Crime, dicapai 28
Ogos 2013,
<http://www.unodc.org/unodc/en/frontpage/2012/February/economic-crises-can-trigger-rise-in-crime.html>.